



04 JUL, 2021

MAFI Prihatin bantu petugas, keluarga barisan hadapan

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI Prihatin bantu petugas, keluarga barisan hadapan

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan dan keluarga mereka di Labuan semalam.

Penyampaian bantuan MAFI Prihatin itu diserahkan oleh Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid kepada Datuk Suhaili Abdul Rahman untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan di Labuan.

Menurut kenyataan dikeluarkan MAFI, sebanyak 500 set sumbangan akan diagihkan kepada 27 buah kampung di seluruh Labuan antaranya Kampung Batu Arang, Kampung Batu Manikar dan Kampung Bebuloh.

“Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari lepas di Wisma Tani Putrajaya.



SEBAHAGIAN sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Labuan semalam.

“Ia bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19,” katanya semalam.

Sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lalu sehingga 30 Jun 2021, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan terdiri daripada petu-

gas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bu-
kan kerajaan.

“Pemberian sumbangan itu melibatkan 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 metrik tan makanan telah disalurkan,” jelasnya.



04 JUL, 2021

MAFI Prihatin bantu petugas, keluarga barisan hadapan

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasarari Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan dan keluarga mereka di Labuan semalam. Penyampaian bantuan MAFI Prihatin itu diserahkan oleh Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid kepada Datuk Suhaili Abdul Rahman untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan di Labuan.